
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMS 212 –Sejarah Asia Tenggara Tradisional

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Bincangkan pendekatan tradisi dan perubahan (*tradition and change*) dan kesesuaianya dalam kajian sejarah awal Asia Tenggara.
(100 markah)
2. Proses pengindiaan di Asia Tenggara bukan sahaja berlaku secara pasif bahkan juga secara aktif. Bincangkan.
(100 markah)
3. Pengaruh India dari segi kebudayaan di Asia Tenggara lebih banyak bercorak kesenian, manakala dari segi kepercayaan pula bercorak ritual (bukan intelektual). Nilaikan kebenaran pernyataan ini.
(100 markah)
4. Bahaskan peringkat-peringkat kedatangan Islam ke Asia Tenggara, dengan memberi tekanan kepada pergolakan-pergolakan di luar yang mempengaruhi kerancakan perkembangannya.
(100 markah)
5. Dengan mengkaji sejarah Islam di Patani, kelihatannya ia lebih dekat dan mesra hubungannya dengan Semenanjung Tanah Melayu daripada dengan Siam. Bahaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada pergolakan yang berlaku di Tak Bai baru-baru ini.
(100 markah)
6. Pengaruh Islam di Asia Tenggara dari segi kebudayaan dan kepercayaan tidaklah terlalu besar seperti yang didakwa oleh setengah sarjana. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
(100 markah)